

D714

B 8009 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 4 PETANG INI.

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA TERAS PEMBANGUNAN BAGI RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) IALAH PERTUMBUHAN SEDERHANA YANG DISERTAI DENGAN KESTABILAN.

KATANYA, MEMANDANGKAN MASALAH SUMBER YANG TERBATAS DAN TIDAK SEIMBANG, STRATEGI PERTUMBUHAN YANG DISERTAI DENGAN KESTABILAN AKAN DILAKSANAKAN TANPA MEMBUAT PINJAMAN SECARA BESAR-BESARAN SEPERTI PADA MASA YANG LEPAS.

+ UNTUK TUJUAN INI, USAHA-USAHA YANG LEBIH GIGIH AKAN DIBUAT UNTUK MENAMBAH TABUNGAN DALAM NEGERI, MENGGEMBLENGKAN SUMBER-SUMBER DALAM NEGERI, MENARIK PELABURAN ASING, DAN MENGUSAHAKAN SUMBER-SUMBER YANG ADA DENGAN BERKESAN DAN PRODUKTIF,+ KATANYA.

KETIKA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI RML DI DEWAN RAKYAT, BELIAU BERKATA SEKTOR PEMBUATAN TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI PENGGERAK UTAMA PERTUMBUHAN.

KATA PERDANA MENTERI, DALAM MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN, PEMBANGUNAN BEBERAPA INDUSTRI YANG TERPILIH AKAN DIPERCEPATKAN BAGI MEMBOLEHKAN PERUNTUKAN SUMBER DIBUAT SECARA OPTIMUM DAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA FAEDAH BERBANDING YANG DINIKMATI OLEH NEGARA. -- LAGI

1417MST 21 03 86

B 8010 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+ FAEDAH-FAEDAH EKONOMI DARIPADA SEGI PENEMPATAN INDUSTRI AKAN DIBERI LEBIH KEUTAMAAN, KHASNYA INDUSTRI-INDUSTRI UNTUK EKSPORT YANG BERUKURAN BESAR DAN SEDERHANA.

+ DI SAMPING ITU, LEBIH BANYAK USAHASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING AKAN DIGALAKKAN DALAM USAHA MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PEMASAR DUNIA BAGI BEBERAPA KELUARAN PEMBUATAN DI PASARAN ANTARABANGSA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKTOR PERTANIAN JUGA AKAN DIPERGIATKAN SEMULA BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN KEBUN DI SAMPING MENJADI SUMBER PEKERJAAN YANG PRODUKTIF SERTA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI.

KATANYA, LANGKAH-LANGKAH AKAN DIAMBIL BAGI MEMBOLEHKAN LEBIH BANYAK KELONGGARAN DALAM PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN DENGAN TUJUAN MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK PELABURAN SEKTOR SWASTA, TERUTAMANYA DALAM PENGELUARAN BAHAN MAKANAN TEMPATAN.

GALAKAN CUKAI UNTUK SEKTOR PERTANIAN TELAH DIPERBAIKI DAN PENANAMAN PADI SECARA BESAR-BESARAN DI KAWASAN JELAPANG PADI DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK-TEKNIK MODEN SERTA DISELENGGARAKAN OLEH KUMPULAN PENGURUSAN MAHIR YANG TERLATIH AKAN DIGALAKKAN, UJARNYA. -- LAGI

1420MST 21 03 86

B B011 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGUSAHAAN TANAMAN, PENYEDIAAN PERKHIDMATAN SOKONGAN, PROGRAM-POROGRAM YANG DAPAT MEMBERI PULANGAN EKONOMI YANG PALING TINGGI AKAN TURUT DIBERI PENEKANAN.

KATANYA, USAHA MENINGKATKAN PRODUKTIVITI BURUH TEMPATAN MENERUSI PEMBANGUNAN SUMBER TENAGA MANUSIA DENGAN SEPENUHNYA MERUPAKAN BAHAGIAN PENTING DALAM STRATEGI MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN.

BELIAU BERKATA HUBUNGAN YANG LEBIH ERAT ANTARA INSTITUSI-INSTITUSI LATIHAN DENGAN SEKTOR SWASTA AKAN DIGALAKKAN BAGI MENINGKATKAN KESESUAIAN DAN KEBERKESANAN KOS PROGRAM-PROGRAM LATIHAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA AKAN MEMBERI PENEKANAN YANG LEBIH KEPADA PROGRAM-PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DALAM RML SUPAYA BARANG-BARANG KELUARAN TEMPATAN MAMPU BERSAING DENGAN BARANGAN LUAR NEGERI.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, LEBIH BANYAK USAHA AKAN DIBUAT UNTUK MEMUPUK DAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KEMAHIRAN TEMPATAN DALAM USAHA-USAHA MEMPERKENALKAN PEMBAHARUAN SAINSTIFIK DAN TEKNOLOGI, KATA PERDANA MENTERI.

-- LAGI

1422MST 21 03 86

U B018 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENGALAMAN YANG DIDAPATI DARIPADA KEMELESETAN EKONOMI TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA MALAYSIA, MALAHAN IA TELAH MENINGKATKAN KEMAMPUAN NEGARA UNTUK MENGHADAPI CABARAN-CABARAN MASA HADAPAN.

+APA YANG PENTING SEKARANG IALAH KESEDARAN KITA UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN SEDERHANA YANG DISERTAI DENGAN KESTABILAN.

+PENCAPAIAN MATLAMAT INI MEMERLUKAN PENGORBANAN DAN LEBIH-LEBIH LAGI, PERUBAHAN SIKAP.

+RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH BERSIKAP LEBIH REALISTIK DAN PERLU MENYESUAIKAN PARAS HARAPAN DAN TARAF HIDUP MEREKA SELARAS DENGAN KEDUDUKAN NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN.

+KITA PERLU HIDUP MENGIKUT KEMAMPUAN KITA DAN JANGANLAH MEMBEBAHKAN GENERASI AKAN DATANG DENGAN HUTANG NEGARA YANG BESAR.

+KITA MESTILAH MENGORBANKAN KEPERLUAN JANGKA PENDEK KITA BAGI MEMASTIKAN MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH UNTUK GENERASI AKAN DATANG,+ TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI

1513MST 21 03 86

U B019 AAB
RML - MAHATHIR (TERAS) 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI HALANGAN-HALANGAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA MEMANDANGKAN MALAYSIA SALAH SEBUAH NEGARA YANG EKONOMINYA TERLALU BERGANTUNG PADA PERDAGANGAN, MAKA KEADAAN PERDAGANGAN DUNIA YANG BERUBAH-UBAH MEMPUYAI KESAN SECARA LANGSUNG KEPADA NEGARA.

+AGAK TEPAT BAGI KITA MENGATAKAN BAHAWA SISTEM PERDAGANGAN YANG WUJUD PADA MASA INI SATU SISTEM YANG TIDAK SEIMBANG DAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA, PERKONGSIAN FAEDAH-FAEDAH DARIPADA PERDAGANGAN TIDAKLAH ADIL.+

KATANYA, NEGARA-NEGARA MAJU MENDAPAT FAEDAH DARIPADA KEJATUHAN HARGA-HARGA BARANGAN UTAMA YANG BANYAK, SEDANGKAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN, YANG MENGELUARKAN SEBAHAGIAN BESAR BARANGAN UTAMA ITU, TERPAKSA MENANGGUNG KERUGIAN BESAR DARIPADA KEJATUHAN HARGA-HARGA ITU.

+BAGAIMANAPUN, KITA TIDAK BOLEH MEMBUANG MASA DAN MENGELUH KERANA KEPENTINGAN KITA TIDAK DIBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA OLEH NEGARA-NEGARA KAYA.

+SEMENTARA KITA BERHUJAH DAN TAWAR-MENAWAR DENGAN MEREKA, KITA MESTI MENELITI DIRI KITA SENDIRI DAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH KITA LAKUKAN BAGI MENGATASI MASALAH EKONOMI KITA,+ UJARNYA. -- LAGI
1515MST 21 03 86

U B023 AAB
RML - MAHATHIR (TERAS) 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA ANTARA LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL IALAH MENKKAJI SEMULA PERGANTUNGAN KEPADA PENGELUARAN BAHAN MENTAH UNTUK MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI, MEMPERBAIKI KEPAKARAN PENGURUSAN, MENGURANGKAN KOS, MENJALANKAN LEBIH BANYAK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SERTA MENYELARASKAN PENGELUARAN SUPAYA TIDAK TERUS MENGHADAPI KEADAAN BEKALAN BERLEBIHAN TIDAK TERKAWAL.

SAMBIL MENGULANGI BAHAWA SISTEM EKONOMI ANTARABANGSA BUKANLAH SISTEM YANG ADIL, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SALAH SATU DARIPADA UNSUR KEADILAN EKONOMI IALAH PENGELUAR BARANG DAN PERKHIDMATAN MESTILAH DIBERI BAYARAN YANG BERSEBUAIAN DAN BERPATUTAN DENGAN KOS DAN TENAGA YANG DIPERLUKAN UNTUK MENGELUARKAN BARANGAN BERKENAAN.

PADA MASA YANG SAMA, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN YANG MEREKA BELI ATAU IMPORT HENDAKLAH JUGA MENGGAMBARAKAN NILAI SEBENAR BARANGAN IMPORT DAN PERKHIDMATAN ITU.

WALAUPI BEGITU, KUASA EKONOMI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN DAN PENGARUH SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA SERTA PEDAGANG-PEDAGANG BARANGAN TELAH MENGUASAI PASARAN DUNIA BAGI KEBANYAKAN BARANG YANG DIEKSPORT DAN DIIMPORT OLEH NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA.

DALAM KEADAAN EKONOMI MELESET, HARGA BARANGAN KITA TELAH JATUH SEHINGGA RENDAH DARIPADA KOS PENGELUARAN TETAPI IMPORT KITA BAGI BARANG-BARANG PEMBUATAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU TIDAK BANYAK MENGALAMI KAJATUHAN HARGA WALAUPI HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH YANG DIGUNAKAN RENDAH. -- LAGI
1526MST 21 03 86

U B028 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 7 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+INI JELAS MENUNJUKKAN KEADAAN PERTUKARAN (TERMS OF TRADE) YANG TIDAK ADIL DAN IA MEMBERI KESAN BURUK KE ATAS NISBAH KOS IMPORT-EKSPORT KITA DAN SETERUSNYA MENJEJASKAN USAHA KITA UNTUK MEMBANGUN.+

BELIAU JUGA MENYEBUT MENGENAI KENAIKAN NILAI YEN YANG MENINGKATKAN BEBAN KHIDMAT BAYARAN HUTANG NEGARA BAGI PINJAMAN-PINJAMAN YANG DIBUAT BERDASARKAN MATAWANG ITU.

MEMANDANGKAN PINJAMAN INI MERUPAKAN 20 PERATUS DARIPADA HUTANG SEKTOR AWAM, PENINGKATAN KHIDMAT BAYARAN HUTANG INI SANGAT BESAR DAN KENAIKAN NILAI YEN JUGA AKAN MENYEBABKAN IMPORT DARI JEPUN MENJADI LEBIH MAHAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESEMUA INI MENJADI LEBIH BURUK DENGAN ADANYA TINDAKAN-TINDAKAN PERLINDUNGAN YANG BEGITU MELUAS DAN KETAT YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

+DI MANALAH LETAKNYA KEADILAN PENDEKATAN INI YANG PADA SATU PIHAK MENGGALAKKAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN MENCEBURI BIDANG PERINDUSTRIAN DALAM KONTEKS PENGAGIHAN PASARAN YANG SEIMBANG, SEDANGKAN PADA SATU PIHAK LAIN, PASARAN DI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN SEMAKIN TERTUTUP KEPADA EKSPORT NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA?+ TANYA BELIAU. -- LAGI

1530MST 21 03 86

U B031 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 8 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENEGASKAN PENTINGNYA MALAYSIA MENGEKALKAN KEDUDUKAN JANGKA PANJANGNYA YANG STRATEGIK DALAM PASARAN GETAH DAN MINYAK KELAPA SAWIT DAN BEGITU JUGA BARANGAN EKSPORT LAIN.

SEHUBUNGAN ITU, BELIAU BERKATA SEKTOR SWASTA PERLU MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR SERTA MENYAMBUK SEGALA USAHA KERAJAAN SEPERTI TINDAKANNYA MENGURANGKAN PERATURAN DAN KAWALAN TERHADAP EKONOMI SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT.

SALAH SATUNYA IALAH PINDAAN-PINDAAN YANG DIKENAKAN KE ATAS SYARAT-SYARAT AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (ICA) BARU-BARU INI DAN GARIS PANDUAN EKUITI YANG LEBIH LIBERAL BAGI PELABURAN ASING.

KATANYA SEKTOR SWASTA MESTILAH MEMBEBAHKAN DIRI MEREKA DARI SIKAP YANG DIAMALKANNYA SEKARANG, MEMPUNYAI PANDANGAN LEBIH AGRESIF DAN SANGGUP MENANGGUNG RISIKO-RISIKO YANG TERBABIT.

SEKTOR SWASTA JUGA PENTING UNTUK MENGIKIS SIKAP DAN KECENDERUNGAN MENGIKUT ORANG LAIN DALAM BIDANG-BIDANG PERNIAGAAN YANG SAMA SEHINGGA KEDIATAN-KEGIATAN ITU MENJADI PENUH SESAK DAN TIDAK LAGI MEMBERI KEUNTUNGAN YANG MUNASABAH, TEGAS BELIAU. -- LAGI

1536MST 21 03 86

U B033 AAB

RML - MAHATHIR (TERAS) 9 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

APA YANG PERLU, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR IALAH SEMANGAT KEUSAHAWANAN YANG TINGGI DAN DORONGAN UNTUK Mencari dan merintis bidang-bidang baru dalam perniagaan.

Mengenai sektor awam, beliau berkata ia tidak lagi memainkan peranan utama dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan secara beransur-ansur saiz dan peranan sektor awam menerusi usaha pengukuhan bagi memastikan kecekapan, sikap bertanggungjawab dan produktiviti dalam pengurusan jabatan-jabatan kerajaan dan perusahaan awam.

Perdana Menteri berkata lebih banyak lagi program penswastaan agensi dan kegiatan kerajaan akan dilaksanakan bagi mengurangkan penyertaan kerajaan dalam ekonomi dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan kecekapan. -- BERNAMA

1538MST 21 03 86